Perkhidmatan dalam talian
MARA memudahkan pengguna

JIKA dilihat perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang sentiasa merubah corak kehidupan masyarakat seluruh dunia hari ini sememangnya turut mempengaruhi teknologi-teknologi lain.

Teknologi automasi atau sistem rangkaian di rumah atau pejabat misalnya tidak terkecuali daripada menerima tempias itu dan kini bergabung menjadi satu teknologi baru.

Perkembangan teknologi telah membolehkan kesemua rangkaian itu disepadukan dalam satu sistem yang akan memudahkan pengguna.

Kelebihan teknologi yang sentiasa mengalami proses evolusi dan bergabung dalam satu sistem yang mudah seharusnya mampu dimanfaatkan oleh penduduk negara ini yang kini semakin bersedia menerima perubahan.

Apabila memasuki zaman teknologi maklumat ini, cara hidup dan cara bekerja akan dipengaruhi oleh maklumat-maklumat yang akan tersebar luas di kalangan rakyat.

Ini tidak terkecuali bagi Majlis Amanah Rakyat (MARA). Seiring dengan perkembangan pesat zaman teknologi maklumat (IT), MARA turut mengorak langkah dengan membangunkan pelbagai sistem untuk kemudahan bersama.

Menurut Ketua Pengarah MARA, Datuk Nam Marthinin, dalam dunia tanpa sempadan, ICT memainkan peranan amat penting bagi membantu membangunkan organisasi, masyarakat dan seterusnya membangunkan negara kita.

Kita perlu faham bahawa Malaysia merupakan sebuah negara membangun dan akan menjadi sebuah negara maju menjelang 2020. Dalam rangka rancangan lima tahun Malaysia, program ICT telah diberikan perhatian dan peruntukan begitu besar oleh pihak kerajaan, bahkan semua agensi kerajaan turut diberikan peruntukan besar termasuklah MARA untuk membangunkan aplikasi ICT terkini sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) ini.

Kita perlu sedar bahawa teknologi berkembang setiap hari, dan sekiranya kita melihat perkembangan ini sebagai satu perkara yang asing, sudah pasti kita akan ketinggalan.

Perkara ini adalah sebahagian daripada strategi MARA untuk mewujudkan *k-workers, k-organisasi* dan *k-entrepreneur* yang bukan sahaja mempunyai maklumat tetapi juga celik IT dan mampu mengguna pakai teknologi terkini sebagai *enabler*.

NAM MARTHININ

Menurutnya, sehingga 14 Mei 2009, MARA telah melaksanakan 12 sistem aplikasi dalam talian untuk orang awam mendapatkan perkhidmatan MARA.

Sistem-sistem tersebut ialah eBayar, *eTicketing* MARAliner, eBaki, *eVacancy*, IKM*Online*, UPIM*Online* dan SPE manakala keputusan kemasukan MRSM, keputusan kemasukan UPIM, keputusan kemasukan IKM, program ijazah luar negara dan tawaran untuk jawatan terletak di bawah perkhidmatan semakan dalam talian.

"Apa yang dilakukan adalah selaras dengan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan maklumat serantau.

"Pada masa sama, kita memudahkan lagi proses-proses yang sedia ada sebelum ini selain memudahkan pengguna," katanya ketika ditemui di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Ujar beliau lagi, penggunaan sistem-sistem tersebut ternyata berkesan dan ia dapat menjimatkan masa, tenaga serta kos.

Seperti yang diketahui umum, MARA merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan pada tahun 1966 untuk memaju, menggalak dan memudahkan usaha pembangunan ekonomi dan kemasyarakatan khususnya di kawasan-kawasan luar bandar.

Objektifnya adalah untuk menggalak, membimbing, melatih dan membantu bumiputera untuk menyertai dengan aktif dan maju dalam kegiatan perdagangan dan perusahaan kecil dan sederhana ke arah pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang berjaya dan kukuh.

Ke arah melaksana objektif tersebut, MARA dibahagi kepada tiga sektor iaitu khidmat pengurusan, usahawan dan pendidikan. Jelas Nam, program-program ICT juga berperanan sebagai pemangkin kepada program yang dijalankan oleh tiga sektor utama MARA yang akan turut meningkatkan lagi keupayaan sistem penyampaian MARA kepada pelanggan.

Apa yang penting, menurut Nam, kesemua sistem aplikasi MARA yang dibina secara dalam talian merupakan satu kemudahan berguna untuk pelanggan dan orang ramai.

Selain dapat mengetahui latar belakang serta serba sedikit sejarah MARA, sistem dalam talian secara tidak langsung memudahkan lagi proses permohonan mahupun proses-proses yang berkaitan dengan MARA.

"Bagi kami di MARA, sistem aplikasi dalam talian akan diberi penambahbaikan setiap tahun untuk menyajikan perkhidmatan yang terbaik buat pengguna.

"Oleh yang demikian saya berharap agar jika ada sebarang aduan, para pengguna dapat melaporkannya agar kami dapat memberikan yang terbaik buat anda," jelasnya.

Sementara itu, tambah beliau, terdapat sembilan lagi sistem aplikasi dalam talian MARA untuk kegunaan awam yang masih lagi di dalam pembangunan.

Sistem-sistem tersebut dijangka beroperasi mulai suku tahun keempat dan apabila kesemua sistem tersebut mula beroperasi, ini bermakna hampir kesemua urusan berkaitan dengan MARA sudah sepenuhnya dilaksanakan melalui sistem dalam talian.

Antara sistem-sistem yang masih di dalam pembangunan ialah eSPLN, eKK, eGaleri, eAduan, *eConversion*, ePremis, MRSM *Online*, *eEduPay*, eKL dan MRSM *e-Education*.

Menurut Nam, apa yang diharapkan segala sistem yang dibangunkan dan dilaksanakan adalah untuk tujuan kemudahan bersama di samping memberi manfaat seterusnya mempercepatkan lagi proses-proses sedia ada.

Dengan adanya sistem-sistem tersebut, kini segala maklumat berada di hujung jari anda. Layari portal MARA di http://www.mara.gov.my untuk keterangan lanjut.

ANTARA sistem aplikasi dalam talian MARA yang dibangunkan untuk kemudahan bersama pada masa hadapan.

SISTEM APLIKASI MARA YANG TELAH DILAKSANAKAN

NAMA SISTEM	KETERANGAN SISTEM
eBayar	Menyediakan kemudahan bayaran pinjaman MARA melalui perbankan *online*
eTicketing MARAliner	Menyediakan kemudahan pembelian tiket bas MARAliner secara *online*
eBaki	Menyediakan kemudahan menyemak baki pinjaman pelajaran secara *online* untuk bekas pelajar tajaan MARA
eVacancy	Menyediakan kemudahan permohonan jawatan di MARA secara *online*
IKM*Online*	Menyediakan kemudahan permohonan pelatih ke Institut Kemahiran MARA peringkat sijil secara *online*
UPIM*Online*	Menyediakan kemudahan permohonan untuk mengikuti pengajian di peringkat sijil, diploma, diploma lanjutan dan ijazah ke Institut Pendidikan MARA iaitu Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Kolej Profesional MARA (KPM), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM), German Malaysian Institute (GMI) dan Kolej PolyTech MARA (KPTM)
SPE	Sistem perolehan elektronik untuk perolehan secara pesanan tempatan, sebut harga atau tender

SISTEM PERTANYAAN YANG TELAH DILAKSANAKAN

NAMA SISTEM	KETERANGAN SISTEM
Keputusan kemasukan MRSM	Menyediakan kemudahan semakan status terkini permohonan kemasukan MRSM tingkatan 1 dan tingkatan 4
Keputusan kemasukan UPIM	Menyediakan kemudahan semakan status permohonan kemasukan ke UPIM dan maklumat kolej yang ditawarkan secara *online*
Keputusan kemasukan ke IKM	● Menyediakan kemudahan semakan status keputusan kemasukan ke IKM dan maklumat kolej yang ditawarkan ● Borang rayuan bagi yang tidak berjaya secara *online*
Tawaran untuk jawatan	Menyediakan kemudahan semakan status permohonan jawatan yang ditawarkan secara *online*
PILN	Semakan status permohonan program ijazah ke luar negara

SISTEM APLIKASI MARA YANG MASIH DALAM PEMBANGUNAN

NAMA SISTEM	KETERANGAN SISTEM
eSPLN	Sistem Pengurusan Pejabat Luar Negara menyediakan kemudahan kepada pelajar tajaan MARA di luar negara untuk membuat permohonan dan semakan tuntutan, kemas kini maklumat peribadi serta kemas kini keputusan peperiksaan secara *online*
eKK	eKawalan Kredit merupakan satu sistem pemantauan kutipan hutang yang membolehkan peminjam MARA menyemak baki pinjaman dan tindakan susulan terhadap akaun mereka
eGaleri	eGaleri merupakan sistem pengurusan foto rasmi MARA yang boleh dicapai oleh pihak awam
eAduan	eAduan merupakan sistem untuk mengurus aduan daripada pihak awam dan staf MARA
eConversion	eConversion merupakan sistem permohonan pengurangan bayaran balik pinjaman pelajaran MARA secara *online* bagi pelajar tajaan MARA yang telah tamat pengajian
ePremis	Sistem ePremis menyediakan kemudahan permohonan sewaan premis MARA seluruh Malaysia secara *online*
MRSM *Online*	Sistem MRSM *online* menyediakan kemudahan permohonan untuk kemasukan ke MRSM tingkatan 1 dan tingkatan 4 secara *online*
eEduPay	Sistem eEduPay menyediakan kemudahan semakan transaksi bayaran elaun dan yuran pelajar tajaan MARA oleh pelajar dan institusi berkaitan
eKL	Menyediakan kemudahan untuk permohonan perniagaan MARA (kontrak) melalui laman web eKL *gateway online*
MRSM e-Education	Satu sistem aplikasi yang merangkumi sistem-sistem pengurusan kakitangan MRSM, pengurusan pelajar-sistem kemasukan (*online application*), sistem pengurusan asrama, sistem pendaftaran, sistem penilaian, sistem pentadbiran pelajar dan sistem pengurusan pembelajaran (LMS)